



TAHNIAH ... antara pemenang anugerah biasiswa Kolej Sunway.

## Kolej Sunway tawar biasiswa

KOLEJ Sunway menawarkan Biasiswa Kemasukan Kolej Sunway kepada pelajar cemerlang bagi mengikuti pelbagai program baru yang disediakan di kolej berkenaan.

Anugerah Biasiswa Kemasukan Kolej Sunway berdasarkan pencapaian merit pelajar itu akan menawarkan insentif antara 25 hingga 100 peratus daripada yuran tuisyen kepada mereka yang mendaftar mengikuti program baru.

Semua pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Peperiksaan Gabungan (UEC), Matrikulasi Kanada, Matrikulasi Australia, GCE 'A' Level dan 'O' Level berpeluang memohon biasiswa itu.

Menurut Pengarah Bersekutu Kolej Sunway, Alizabeth Lee, selain itu kolej berkenaan turut menawarkan Anugerah Akademik Tan Sri Datuk Dr Jeffrey Cheah bagi mengiktiraf pencapaian pelajar.

"Pelajar ditawarkan wang tunai sebanyak RM2,000 untuk mengikuti program pengajian di universiti atau prauniversiti melalui kursus profesional yang ditawarkan," katanya.

**This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.**